

07/07/1998

Maulidur Rasul disambut sederhana

KUALA LUMPUR, Isnin - Umat Islam di seluruh negara menyambut Maulidur Rasul secara sederhana hari ini, tetapi penuh syahdu dengan menyertai perarakan dan majlis perhimpunan ummah.

DI IBU KOTA, hujan renyai tidak menghalang umat Islam berarak dari Dataran Merdeka ke Pusat Islam, di sini.

Sambutan tahun ini yang bertemakan 'Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita', dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pusat Islam.

Turut hadir Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Terdahulu, perarakan yang diketuai Dr Abdul Hamid bermula pada jam 8 pagi melalui Jalan Parlimen dan Jalan Cenderawasih dengan membawa sepanduk sambil berselawat.

Turut mengambil bahagian dalam perarakan itu ialah kakitangan jabatan kerajaan, badan berkanun dan swasta, anggota pertubuhan, persatuan dan masjid, kumpulan dari universiti, maktab dan pusat pengajian tinggi serta sekolah.

Pelbagai program diatur sempena sambutan Maulidur Rasul 1419 Hijrah. Antaranya bacaan al-Quran oleh johan qari peringkat sekolah rendah kebangsaan, persembahan nasyid, anugerah Maulidur Rasul serta hadiah pasukan perarakan terbaik.

Di KUALA TERENGGANU, lebih 2,000 umat Islam menghadiri majlis sambutan yang diadakan secara sederhana di Dewan Besar Wisma Darul Iman.

Hadir sama Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafibillah Shah dan Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad serta isteri.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai mengetuai 75 kontinjen yang dianggotai kira-kira 6,000 umat Islam dalam perarakan dari Padang Merdeka ke Masjid Negeri di Sembulan.

Acara lain pada sambutan itu yang turut disertai Timbalan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam ialah pertandingan sepanduk serta penyampaian anugerah Maulidur Rasul kepada enam penerima di Sabah.

Di KOTA BHARU, sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri diadakan di Masjid Tuanku Ismail Petra Kubang Kerian. Majlis itu dihadiri Sultan Kelantan, Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat; Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman serta anggota Exco negeri.

Di PULAU PINANG, lebih 2,000 umat Islam menyertai majlis perhimpunan ummah di Masjid Bayan Baru. Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir turut hadir.

Di SIBU, Yang Dipertua Negeri Tun Datuk Patinggi Ahmad Zaidi Adruce Mohammad Nor mengetuai perarakan sambutan Maulidur Rasul negeri sejauh dua kilometer yang disertai kira-kira 3,000 orang, termasuk Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Ini adalah majlis julung kali yang diadakan di luar ibu negeri, Kuching.

Di SEREMBAN, lebih 5,000 umat Islam membanjiri Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) untuk majlis sambutan peringkat negeri setelah perhimpunan diadakan di Padang NS ditangguhkan kerana hujan.

Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar mengetuai perarakan mengelilingi bandar itu setelah hujan reda.

Di ALOR STAR, majlis sambutan diadakan malam tadi di Masjid Zahir yang dihadiri Sultan Kedah, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan kira-kira

500 jemaah.

Majlis itu dipenuhi dengan bacaan yasin dan ceramah agama. Majlis yang serupa juga diadakan di masjid di semua daerah.

Di MELAKA, lebih 5,000 umat Islam tidak menghiraukan hujan untuk menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri.

Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabuddin dan Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin mengetuai perarakan itu yang bermula dari Stadium Kubu kira-kira 8.45 pagi sebelum berakhir di perkarangan Masjid Al Azim.

Di KUANTAN, kira-kira 1,000 umat Islam membanjiri Dewan Konvensyen, Jalan Teluk Sisek. Turut hadir Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Timbalannya, Datuk Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan Pendidikan negeri, Datuk Adnan Yaakob serta ketua jabatan.

Majlis diserikan dengan pelbagai acara, termasuk bacaan al-Quran, marhaban, solawat dan nasyid. Ceramah mengenai riwayat hidup Nabi Muhammad SAW disampaikan oleh Shamsuri Ahmad, pendakwah dari Pulau Pinang.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor mengetuai kira-kira 3,000 umat Islam berhimpun di Masjid Sultan Abu Bakar di sini, pagi tadi, sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri.

(END)